

Pas turut pindah pengundi bagi kerusi bukan Melayu

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 24 Sept. — Tindakan Pas mengatur pemindahan pengundi ke kawasan pilihan raya yang disasarkan pada masa akan datang turut diperluaskan meliputi semua kerusi bukan Melayu yang hampir dimenangi parti itu dalam pilihan raya umum lepas.

Matlamat tersebut yang terkandung dalam pelan "Tahun Tawan Kedah 2003" atau 2tk yang disediakan oleh Badan Perhubungan Pas Kedah turut mendesak Lujnah Pilihan Raya Pusatnya menghantar petugas khas membuat kaji selidik di semua kerusi pilihan yang didiami majoriti bukan Melayu.

Antaranya melibatkan Parlimen Temerloh yang mempunyai 38.7 peratus bukan Melayu, tetapi menyaksikan kekalahan Pas dengan 213 undi.

Pada masa sama, kerjasama dengan semua badan bukan kerajaan untuk mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum ke-11 juga akan terus dipertingkatkan terutama dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan Teras.

Menurut dokumen pelan 2tk yang diperoleh *Utusan Malaysia* itu, Kedah adalah negeri ketiga yang 'bakal jatuh' ke tangan Pas selepas Kelantan dan Terengganu.

Justeru, sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan kepada jabatan pilihan raya Pas negeri untuk menajayakan matlamat tersebut.

Dalam peruntukan ini, kegiatan mengubah kecenderungan pengundi sahaja menelan belanja RM-240,000.

Aktiviti dalam pelan itu turut menekankan kepada keperluan mengeluarkan pengundi secara berperingkat-peringkat yang tidak diperlukan di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pas.

Semua peringkat parti pula digesa mewujudkan rangkaian dengan bekas ahli-ahli UMNO yang pernah memegang jawatan di peringkat bahagian dan cawangan.

Tenaga mereka perlu dimanfaatkan sebaik mungkin bagi menarik anak-anak buah mereka semasa dalam UMNO, menyertai dan menyokong Pas.

"Selain itu setiap ahli Pas disaran meningkatkan hubungan baik dengan pegawai tadbir peringkat tertinggi," menurut pelan tersebut.

Pada masa sama, ijtimak pilihan raya secara besar-besaran terutama dalam tahun ini juga akan digerakkan.

Bagaimanapun dalam menyusun gerak kerja pelan, Pas turut menggariskan beberapa kelemahan urusan jentera sepanjang pilihan raya umum lepas.

Antaranya, sebahagian ahli jawatankuasa tidak boleh bergerak bebas kerana keterbatasan tugas rasmi sebagai penjawat awam.

Dalam usaha meraih sokongan bukan Melayu, Pas mengakui kekurangan risalah dalam bahasa Cina, Tamil dan Thai. Begitu juga dalam aspek keperluan tenaga kerja iaitu tiada langsung yang mampu bertutur dalam bahasa Mandarin dan Tamil.

Pelan tersebut turut mengesahkan bahawa tenaga yang berkempen dari rumah ke rumah tidak profesional dalam mempraktikkan kaedah menarik pengundi.

Ini kerana, walaupun jumlah tenaganya ramai, kaedah masih dijalankan dalam bentuk menghukum tuan rumah yang mereka ziarah.

Apa pun, pelan yang digariskan itu begitu beria-ria menyasarkan Kedah dalam matlamat parti.

Selain mempertahankan kemenangan Pas di lapan kerusi Parlimen dan 12 Dewan Undangan Negeri Kedah, Pas berhasrat menawan antara dua hingga empat kawasan Parlimen serta 12 ADUN dalam pilihan raya umum akan datang.

Isu pemindahan pengundi dari satu kawasan ke kawasan sasaran dibangkitkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini yang mendedahkan taktik itu daripada semakan yang dibuat ke atas senarai daftar pemilih yang digunakan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah baru-baru ini.

Dr. Mahathir yang membangkitkan perkara itu selepas mempekerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO menegaskan:

"Hanya dengan menyemak empat peti undi sahaja (daripada 14 peti undi) di Anak Bukit didapati lebih 500 pengundi bukan orang kawasan itu, tidak dilahir dan tidak bekerja di Anak Bukit, tetapi menjadi pengundi dengan alamat kampung sahaja, tidak ada nombor rumah."